

Sentimen Perkauman dalam kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pemilihan Raya Umum

Muhammad Syaher¹, Syamirul Muhaimin¹, Aqil Ikhwan¹, Ahmad Izzuddin¹, Deeva Haren A/L Pannirselvam¹

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Cawangan Pagoh, Jalan Panchor, Johor, 86400, MALAYSIA

* cn220332@siswa.uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.006>

Received 10 October 2022; Accepted 7 December 2022; Available online 10 July 2023

Abstrak:Perpaduan memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat majmuk yang hidup aman dan sentosa berbilang kaum di Malaysia. Namun kebelakangan ini rakyat berbilang kaum di Malaysia khususnya telah mengalami suatu anasir jahat untuk menghasut rakyat supaya berpecahan dan mewujudkan unsur rasism berikutan berlakunya Pilihan Raya Umum kali ke-15 di Malaysia. Antara masalah yang dihadapi adalah permasalahan kaum disebabkan pengaruh parti politik, seterusnya wujud sifat resicm dalam kalangan masyarakat dimana menggunakan sentimen bangsa dan agama ketika pilihan raya umum dan disebarkan melalui media massa terutamanya TikTok . Akhir sekali, masalah sentimen perkauman yang diwujudkan dalam pilihan raya. Objektif pertama adalah mengenal pasti punca permasalahan kaum di Malaysia.Kedua,Mengkaji persepsi Mahasiswa dan Mahasiswi UTHM terhadap sentimen perkauman yang dibangkitkan dalam PRU 15. Terakhir, menganalisis impak terhadap budaya berfikir Mahasiswa dan Mahasiswi UTHM. Oleh itu, sebuah kajian deskriptif telah dijalankan ke atas mahasiswa UTHM bagi menilai isu perkauman yang dijalankan secara atas talian melalui pengedaran link google form Seterusnya kaedah pemerhatian dan kajian semasa proses PRU berlangsung. Kajian ini dapat diperolehi dengan adanya data yang diperolehi daripada masyarakat dan juga para pelajar UTHM serta berita semasa daripada surat khabar, pembacaan ilmiah, jurnal dan sebagainya bagi membantu merialisasikan permasalahan yang wujud. Kesimpulannya, kajian ini dilihat sangat penting sebagai satu bukti, rujukan dan input kepada penambahbaikan isu yang berlaku. Usaha dan pembangunan berterusan harus selari dengan keperluan dan tuntutan semasa bagi membentuk sasiah dan semangat perpaduan dalam diri mahasiswa UTHM kerana ia akan memberikan nilai tambah ke arah pembentukan diri.

Kata Kunci: Perpaduan, Sistem Sosial, Masyarakat Majmuk ,Realiti Sosial, Negara Bangsa

1. Pengenalan

*Corresponding author: cn220332@siswa.uthm.my

2023 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp

Malaysia telah melalui pelbagai pengalaman pahit sebelum berdiri teguh dan kukuh sebagai negara membangun. Pasti pengalaman dijajah oleh negara asing tidak akan diulangi lagi sepertimana yang kita ketahui penjajahan Malaysia dimulai dengan Portugis, Inggeris, Belanda, Jepun, kemudian Inggeris lagi selepas itu. Teriakan dan sorakan keramat 'Merdeka' pada 31 Ogos 1957 adalah tidak semudah yang disangka untuk dilalui dan memaknakan kemerdekaan tersebut terciptalah satu era dimana wujudnya pembentukan peradaban majmuk bagi menghasilkan bentuk negara bangsa yang harmoni. Pembentukan negara bangsa juga akan melahirkan konsep bangsa yang merujuk kepada sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan atau sekumpulan besar manusia yang mempunyai keterikatan melalui perasaan kekitaan bersama dalam sesebuah negara (Muslim, 2001).

Berikutan wujudnya pembentukan peradaban majmuk di Malaysia, maka lahirlah kaum utama di negara ini iaitu Melayu, Cina, India Kadazandusun dan Iban lalu wujudnya perpaduan antara mereka tanpa mengira kaum dan agama. Perpaduan ditakrifkan sebagai hubungan erat atau bersifat toleransi yang diwujudkan secara sengaja dalam kalangan kaum dan etnik yang berbeza untuk mencapai matlamat bersama secara jujur dan ikhlas (Wikipedia, 2009). Dalam kata lain perpaduan adalah proses menyatupadukan seluruh masyarakat untuk membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga negara. Perpaduan tidak akan tercapai jika ada segelintir pihak yang cuba untuk menjadi batu api dan menyemarakkan lagi isu perkauman dikalangan kaum di Malaysia. (MyPT3, 2022) (Bebahtera, 2014)

Perpaduan masyarakat dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan isu perkauman ataupun 'Racism' dapat dikurangkan. Selain itu, masyarakat harmoni dapat membantu kerajaan untuk mencapai aspirasi seperti Transformasi Nasional. Transformasi Nasional 2050 (atau TN50) merupakan satu inisiatif pembangunan negara yang merangkumi tahun 2020 hingga 2050. Ini merupakan satu inisiatif pembangunan negara jangka Panjang. Perpaduan juga dapat mengamankan negara dan ini dapat mengelakkan pergaduhan ataupun perbalahan seperti peristiwa huru-hara yang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia pada 13 Mei. Peristiwa 13 Mei pada tahun 1969 ialah rusuhan kaum yang berlaku dan kemuncak masalah perpaduan di Malaysia. Tragedi ini telah meragut nyawa serta harta benda dan mempunyai kaitan yang rapat dengan "Pilihan Raya Umum 10 Mei 1969" merupakan satu titik hitam dalam sejarah negara Malaysia (Dawum, 2019) (Hamzah, 2020) (Syazwan, 2019) (Khazi, 2019).

Keamanan negara dapat dipertingkatkan apabila amalan perpaduan kaum telah meresap ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Seperti yang kita ketahui, tanpa perpaduan kaum, keamanan tidak dapat diwujudkan kerana rakyat akan bergaduh sesama sendiri sehingga menghancurkan keamanan sesebuah negara yang telah dibina itu. Pertelingkahan yang berlaku antara rakyat hanya akan menghasilkan suasana hidup yang porak-peranda. Oleh hal yang demikian, benarlah perpaduan kaum itu penting untuk meningkatkan keamanan Negara. (Jobstore, 2018) (Manusia, 2011) (Jiwa, 2021)

2. Tujuan Kajian

Sentimen perkauman merupakan perkara yang amat dikhuatiri dalam membentuk sesebuah masyarakat majmuk di Malaysia. Berikutan berlakunya pilihan raya baru-baru ini pada 19 November 2022, terdapat banyak isu berkaitan sentimen perkauman yang dibangkitkan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab bagi mengaut keuntungan parti pihak masing-masing. Antara media massa yang membawa kepada anasir perpecahan ini adalah melalui 'TikTok', berita semasa di kaca televisyen, surat khabar yang pro kepada parti kerajaan dan sebagainya.

Tujuan kajian ini dilaksanakan bagi mendapat persepsi daripada masyarakat terutamanya Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti Tun Hussain Onn berkaitan kebangkitan masalah sentimen perkauman yang diwujudkan dikalangan rakyat Malaysia semasa pilihan raya umum. Selain itu, kajian ini juga dilakukan bagi mengetahui punca permasalahan kaum yang terjadi di Malaysia. Hal ini dilakukan untuk mengetahui dari mana masalah itu timbul yang menyebabkan hubungan perpaduan di negara ini semakin berkurang.

Seterusnya, kajian ini di lakukan juga bagi menganalisis impak yang berlaku terhadap budaya berfikir Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti Tun Hussein Onn. Hal ini menjadikan kajian ini lebih bermiliah dan berfungsi bagi melihat apakah kesan yang bakal berlaku terhadap cara berfikir para pelajar tentang isu sentimen perkauman yang dibangkitkan sama ada mereka menggunakan konteks ilmiah ataupun mengikut nafsu amarah semata apabila isu ini wujud.

3. Isu Semasa dan Cabaran

3.1 Isu Terkini

Zaman kini, rakyat Malaysia mengalami suasana dimana isu perpaduan kaum menjadi tajuk yang hangat dibangkitkan di layar-layar akbar serta tidak kurang juga di media-media sosial. Hal berkaitan isu perpaduan ini telah lama dibahaskan oleh golongan cendekiawan, ahli falsafah serta ahli-ahli politik dari zaman berzaman namun masih belum menemui noktah. Bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan sehingga ke akar umbi, terdapat beberapa persoalan yang menjadi tanda tanya. Antaranya persoalan yang terbangkit ialah sejauh manakah usaha kerajaan selama ini berhasil untuk memakmurkan perpaduan kaum, dan apakah pencapaian usaha perpaduan kaum selama ini amat lemah sehingga kerajaan memerlukan suatu sistem indikator bagi mengesan konflik perkauman. (Syazwan, 2019) (Hamzah, 2020)

Pada 19 November 2022, negara kita telah melakukan suatu acara tradisi iaitu pemilihan kerajaan yang bakal dibentuk melalui pilihan raya umum. Pilihan Raya Umum kali ke-15 (PRU15) ini memperlihatkan betapa fanatiknya rakyat Malaysia terhadap parti politik yang mereka dukung selama ini. Hal ini menjadi parah apabila ada sesetengah pihak yang tidak bertanggung jawab telah menaikkan api kemarahan bangsa dengan menyentuh sentimen perkauman dan agama melalui media sosial iaitu Tiktok. Perkara ini boleh menggugat keharmonian negara menerusi media sosial sehingga mengundang kegusaran awam. Bukan sahaja perkara tersebut berlaku sepanjang tempoh PRU15 berlangsung tetapi ia berlarutan sehingga berakhir proses pemilihan kerajaan. Selepas hari pengundian, media sosial Tiktok dipenuhi dengan naratif bahawa akan berlakunya perpecahan kaum khususnya kepada orang Melayu dan Islam kerana ada parti tertentu akan menguasai arena politik tanah air.

Hal ini kerana, ia dipercayai ada kaitan dengan keputusan PRU-15 yang menunjukkan tiada parti memperoleh majoriti menjadikan dan kandungan kreatif itu dicipta untuk menimbulkan ketakutan rakyat dan anti kepada kaum tertentu. Video tersebut dilihat sebagai cubaan mengapi-apikan masyarakat supaya membenci pihak tertentu. Klip tersebut ditonton ratusan ribu pelayar yang turut memberikan komen sehingga ia ditarik balik oleh pihak Tiktok kerana melanggar Garis Panduan Komuniti. Pemilik akaun tersebut juga menyeru terutamanya parti berasaskan kaum dan agama untuk mentadbir negara. Rata-rata netizen tidak selesa dengan hantaran atau komen yang menyentuh sensitiviti kaum di negara ini. Sebaliknya, mereka mahu rakyat berbilang kaum bersama-sama kerajaan menumpukan kepada pembangunan negara serta hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Oleh itu, perpaduan kaum merupakan pemboleh ubah dalam menentukan kestabilan politik, sosial, malah ekonomi. Perpaduan kaum itu menuntut hubungan yang toleransi sesama kaum. Mana-mana kerajaan jua pastinya perlu berusaha untuk menentukan elemen-elemen penting perpaduan kaum ini utuh supaya pembangunan sosial, ekonomi dan infrastruktur dapat dicapai. Konsep masyarakat majmuk memperakui dan membenarkan keberbedaan nilai, norma, budaya dan adat resam sesuatu kaum minoriti. Malah dalam konteks Malaysia, kerajaan yang kini dibina perlu prihatin dan timbang rasa dalam isu sensitiviti sentimen perkauman dan agama di buang jauh-jauh daripada fikiran rakyat Malaysia pada hari ini. Oleh demikian, sifat toleransi dalam konsep pluralisme itu perlu wujud, tanpa disedari, sedikit sebanyak telah menjadi peyumbang kepada benih-benih perkauman sesama kita. (Manusia, 2011) (Ismail & Sa'ari, 2014)

3.2 Cabaran

Isu perpaduan sering menjadi buah mulut rakyat Malaysia dalam menjaga keharmonian bangsa bersama. Perkara ini dibincangkan begitu lama tanpa menemui titik noktahnya dari zaman berzaman. Baru-baru ini sentimen perkauman dan isu agama dijadikan isu yang dipolitikkan untuk kepentingan pihak parti politik menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15. Disebabkan perkara itu timbul masalah dan cabaran yang perlu di atasi baik dari tampok kepimpinan mahupun rakyat biasa. Hal ini perlu dititik beratkan agar perkara ini tidak melarat sehingga sampai satu masa boleh berlaku peperangan saudara disebabkan ketidak puas hati oleh sesesuatunya bangsa tersebut.

Dalam hal ini antara cabaran yang dihadapi terutamanya berkaitan isu semasa iaitu ketika PRU 15 berlangsung adalah masyarakat yang bukan islam mengeluarkan pandangan negatif atau cadangan berasaskan perkiraan akal termasuk mengubah ketetapan hukum yang terkandung dalam ajaran. Hal ini tidak sewajarnya diucapkan oleh orang bukan islam apabila mereka cuba memprovok dalam membicarakan isu agama islam walhal mereka tidak tergolong dalam golongan itu. Orang Melayu dan umat Islam amat sensitif sekiranya ajaran dan syariat Islam dipersenda atau dipersoalkan kemuliaannya. Seterusnya adalah hubungan etnik yang semakin merbahaya dan ia bertambah buruk lagi apabila polarisasi kaum kekal menjadi isu yang sering dimainkan media sosial tanpa henti.

Selain itu, tindakan segelintir ahli politik yang tidak bertanggungjawab untuk memecah-belahkan kita dengan memainkan sentimen agama serta perkauman. Hal ini menyukarkan lagi kerana tampok kepimpinan yang menjadi tunjang perpaduan yang menghacurkan perkara tersebut, ini membuatkan cabaran yang dihadapi semakin buruk ibarat pepatah Melayu “Harapkan pegar, pegar makan padi”. Di samping itu, cabaran yang dihadapi adalah tahap kepercayaan rakyat kini semakin terhakis manakala tahap syak wasangka, stereotaip dan prejudis semakin menebal. Ini boleh menjadi barah dalam mengekalkan keharmonian bangsa yang dibina selama ini.

Seterusnya, platform media sosial juga turut mengundang kesangsian ke atas hubungan antara etnik khususnya dalam kalangan generasi muda. Kepalsuan diangkat menjadi benar dan yang benar menjadi palsu dalam isu-isu perpaduan serta integrasi. Hal ini boleh mengakibatkan anasir negatif yang dibina melalui media massa meresap masuk membunuh pemikiran anak muda generasi bangsa di masa hadapan. Selain itu, cabaran lain adalah isu permusuhan yang wujud sejak sebelum pilihan raya diburukkan semasa kempen pilihan raya baru-baru ini. Ini menyebabkan perkara ini akan berlarutan sehingga bila-bila jika tidak di atasi bersama dan menjadi beban kepada mereka yang selama ini berusaha menegakkan tiang perpaduan yang dibina.

Cabaran seterusnya adalah perjuangan politik berasaskan bangsa yang menyebabkan kucar-kacir kerana sentimen perkauman yang dibangkitkan apabila mereka berkempen. Akhir sekali, undang-undang yang dikenakan terhadap mereka yang menggugat perpaduan amat rendah. Hal ini membuatkan mereka bertambah berani dan bermaharajelela dalam membuat sebarang tindakan kerana bagi mereka denda yang dikenakan dapat diselesaikan dengan mudah dan tidak terbeban dengan mana-mana enakmen yang boleh dijatuhkan hukuman berat lalu merosakkan kerjaya hidup mereka.

Secara tuntas, pelbagai cabaran yang timbul dalam mengekalkan perpaduan kaum dalam negara kita. Pelbagai usaha telah diambil tetapi belum cukup untuk mengekalkan perpaduan kaum yang mudah untuk dimusnahkan. Kestabilan politik dan ekonomi merupakan antara aspek yang bakal menentukan keutuhan perpaduan kaum dalam negara ini. Semoga setiap di antara kita sedar betapa nikmatnya untuk hidup bersama-sama dengan kaum dan agama lain secara harmoni dan sejahtera. Cabaran mengekalkan perpaduan kaum ini sebenarnya merupakan tugas kita sendiri dalam memastikan pemimpin yang adil dipilih, amalan sikap toleransi serta bertolak ansur dilaksanakan juga perlu dilaksanakan dalam kehidupan harian masing-masing.

4. Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif utama kajian. Dimana soal selidik yang telah dibangunkan dan diedarkan kepada para Mahasiswa dan Mahasiswi secara atas talian melalui pengedaran link google form di awal semester sehingga pada minggu ke-11 sebelum berakhir pengajian disetiap semester. Kaedah soal selidik adalah kaedah yang paling popular digunakan di dalam kebanyakan kajian deskriptif bagi membantu pengkaji memperoleh maklumat yang diperlukan dalam mencapai ketepatan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Nizam, 2017).

Selain itu, pengumpulan data sekunder, diperolehi berdasarkan pemerhatian dan penelitian dalam mengukur kemahiran insaniah mahasiswa dan mahasiswi UTHM. Bagi tujuan kajian ini, analisis data secara deskriptif telah diproses untuk melihat daya pemikiran serta meneliti, adakah para pelajar mengambil cakna tentang isu semasa yang berlaku di negara berkaitan PRU-15 lalu membuat perbandingan yang akhirnya memberi satu gambaran dan tindakan susulan dalam menentukan adakah mereka sedar akan kepentingan negara dan bangsa yang mampu memberi nilai tambah kepada perkembangan dan penguasaan kemahiran insaniah mahasiswa UTHM.



 **UTHM**
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**KAJIAN: SENTIMEN PERKAUMAN DIKALANGAN RAKYAT MALAYSIA
SEMASA PEMILIHAN RAYA UMUM.**

SOAL SELIDIK PELAJAR

Makluman Kepada Responden:
Soal selidik ini adalah bagi memenuhi metodologi kajian kami bagi kursus PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN (UQU10702). Borang soal selidik ini bertujuan untuk mengkaji kewujudan sentimen perkauman dikalangan rakyat Malaysia semasa pemilihan raya umum

Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan akan hanya digunakan bagi kepentingan kajian sahaja. Sehubungan dengan itu, kerjasama anda sangat diperlukan bagi menjawab SEMUA soalan yang terkandung dalam soal selidik ini dengan ikhlas dan jujur. Segala maklumat yang ada berikan adalah SULIT.

Kerjasama mahasiswa dan mahasiswi dalam menjayakan kajian ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Rajah 1: Muka hadapan borang soal selidik

BAHAGIAN A: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN
 Arahan : Tandakan (/) pada ruangan yang disediakan

1) JANTINA

Lelaki	
Perempuan	

2) UMUR

18 - 21	
22 - 25	
26 - 29	
30 dan ke atas	

3) BANGSA

Melayu	
Cina	
India	
Lain - Lain	

4) AGAMA

Islam	
Buddha	
Hindu	
Kristian	
Lain - Lain	

Rajah 2 dan 3: Bahagian A – Demografi Responden

5) TAHAP PENGAJIAN

Diploma	
Ijazah Sarjana Muda (<i>Degree</i>)	
Ijazah Sarjana (<i>Master</i>)	
Doktor Falsafah (<i>PhD</i>)	

6) FAKULTI

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)	
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	
Pusat Pengajian Diploma UTHM Pagoh	

7) PENGALAMAN MENGUNDI

Kali Pertama	
Kali Kedua	
Kali Ketiga	
Kali Keempat	
Lebih Empat Kali	

Rajah 3

BAHAGIAN B:
Aspek kajian persepsi Mahasiswa dan Mahasiswi terhadap sentimen perkauman semasa PRU-15
 Sila berikan respon anda terhadap pernyataan di bawah dengan membulatkan nombor mengikut skala berikut;

1 SANGAT TIDAK SETUJU
 2 TIDAK SETUJU
 3 SEDERHANA
 4 SETUJU
 5 SANGAT SETUJU

Bil	Item	Skala				
1	Politik berunsurkan perkauman masih wujud dalam parti-parti politik.	1	2	3	4	5
2	Ada ahli-ahli parti politik yang menyebarkan sentimen perkauman untuk memprovokasi rakyat	1	2	3	4	5
3	Isu perkauman berbangkit setiap kali mendekati pilihan raya umum	1	2	3	4	5
4	Sesetengah pihak sanggup perjudikan perpaduan untuk menanam sentimen perkauman dalam minda pengundi	1	2	3	4	5
5	Sentimen perkauman semakin dimainkan semasa pilihan raya terutamanya di media sosial	1	2	3	4	5
6	Isu sentimen perkauman telah mempengaruhi pendirian pengundi semasa pilihan raya	1	2	3	4	5
7	Perbezaan fahaman politik menggugat perpaduan kaum	1	2	3	4	5
8	Penglibatan pengundi muda kali ini telah menyebabkan sentimen perkauman lebih senang direbak oleh sesetengah parti politik	1	2	3	4	5

Rajah 4: Bahagian B - persepsi mahasiswa terhadap isu perkauman semasa PRU-15

BAHAGIAN C:
Aspek Menganalisis Impak Terhadap Budaya Berfikir Mahasiswa Dan Mahasiswi Terhadap Isu Perkauman
 Sila berikan respon anda terhadap pernyataan di bawah dengan membuatkan nombor mengikut skala berikut;

1 SANGAT TIDAK SETUJU
 2 TIDAK SETUJU
 3 SEDERHANA
 4 SETUJU
 5 SANGAT SETUJU

Bil	Item	Skala				
1	Isu perkauman harus dibawa sebagai topik perbualan untuk mendapatkan pandangan orang lain	1	2	3	4	5
2	Generasi muda harus proaktif dalam menolak parti politik yang menggunakan isu perkauman sebagai manifesto	1	2	3	4	5
3	Gurauan atau pernyataan yang menguris sentimen keagamaan orang lain harus ditegur secara tegas	1	2	3	4	5
4	Kerajaan harus mendidik rakyat untuk menjadi pengundi yang bertanggungjawab dan menjaga tingkah laku semasa pilihan raya	1	2	3	4	5
5	Isu perkauman tidak harus dimainkan setiap kali akan pilihan raya akan datang	1	2	3	4	5
6	Inisiatif diambil untuk mendekati satu sama lain di luar zon kesesuaian kita dari segi kumpulan agama dan etnik berbeza	1	2	3	4	5
7	Sikap prasangka, bias atau stereotaip harus disingkirkan dari minda kita	1	2	3	4	5
8	Bangsa dan agama tidak harus menjadi sebuah kriteria dalam memilih wakil parti politik	1	2	3	4	5

Rajah 5: Bahagian C - Impak terhadap budaya berfikir para pelajar terhadap isu perkauman

Merujuk rajah-rajah yang diperlihatkan, kandungan borang soal selidik yang diedarkan melalui google form kepada para pelajar UTHM yang terdiri kepada beberapa elemen kajian bagi mendapatkan respon daripada para pelajar. Kajian ini dihasilkan dan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian A, B dan C. *Bahagian A* merupakan maklumat responden yang perlu diisi bagi memudahkan analisis kajian dilakukan. Kemudian *Bahagian B* merupakan persepsi responden berkaitan isu sentimen perkauman semasa PRU-15. Akhir sekali, *Bahagian C* pula bagi menganalisis budaya pemikiran para pelajar berkaitan isu perkauman yang terjadi di dalam negara selama ini. Hasil daripada pengedaran borang soal selidik ini memudahkan kami melakukan kajian yang telah dijalankan lalu dapat membuktikan bahawasanya kajian ini mencapai objektif yang diinginkan.

5. Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan analisis dan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas 124 set borang soal selidik yang diedarkan melalui link *Google form* yang seterusnya dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan ciri-ciri yang terdapat di dalam populasi berdasarkan skala pengukuran menggunakan nilai frekuensi dan peratus.

5.1.1 Demografi Responden

Secara keseluruhannya, seramai 124 orang responden terlibat menerusi kajian ini yang dilaksanakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Kampus Pagoh. Segala hasil dapatan kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Excel 2022.

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina. Keputusan menunjukkan jumlah keseluruhan bagi responden lelaki adalah seramai 71 orang atau 57.3% manakala responden perempuan adalah seramai 53 orang atau 42.7%.

Jadual 1: Jantina Responden

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
Lelaki	71	57.3
Perempuan	53	42.7
Jumlah	124	100

Berdasarkan analisis (Jadual 2) mengikut umur, kajian mendapati bahawa majoriti responden, iaitu 67 orang atau 54.0% responden berumur di antara 21 hingga 23 tahun, manakala 36 orang atau 29.0% responden berumur di antara 24 hingga 26 tahun. Seramai 19 orang atau 15.3% responden berumur di antara 18 tahun hingga 20 tahun dan selebihnya hanya 2 orang atau 1.6% responden berumur di antara 27 tahun hingga 29 tahun.

Jadual 2: Umur Responden

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
18 – 20	19	15.3
21 – 23	67	54.0
24 – 26	36	29.0
27 – 29	2	1.6
30 dan ke atas	0	0
Jumlah	124	100

Manakala Jadual 3 menunjukkan bilangan responden mengikut bangsa. Responden Melayu menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 49 orang (39.5%). Responden Cina pula terdiri daripada 40 orang (32.3%) manakala responden India adalah seramai 31 orang (25.0%). Responden Kadazan

menunjukkan bilangan seramai 2 orang responden iaitu 1.6% manakala responden Melanau adalah seramai 1 orang sahaja (0.8%). Baki 1 orang (0.8%) responden adalah terdiri daripada orang Iban.

Jadual 3: Etnik Responden

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
Melayu	49	39.5
Cina	40	32.3
India	31	25
Kadazan	2	1.6
Melanau	1	0.8
Iban	1	0.8
Jumlah	124	100

Berdasarkan analisis (Jadual 4), keputusan menunjukkan bilangan responden mengikut agama. Responden beragama Islam menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 50 orang (40.3%). Responden beragama Buddha pula terdiri daripada 27 orang (21.8%) manakala responden beragama Hindu adalah seramai 16 orang (12.9%). Baki 31 orang (25.0%) responden adalah terdiri daripada responden beragama Kristian.

Jadual 4: Agama Responden

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
Islam	50	40.3
Buddha	27	21.8
Hindu	16	12.9
Kristian	31	25.0
Jumlah	124	100

Manakala Jadual 5 menunjukkan tahap pengajian responden. Kebanyakan responden terdiri daripada Ijazah Sarjana Muda apabila mereka mencatatkan seramai 99 orang atau 79.8% responden. Seramai 25 orang (20.2%) responden adalah dari pengajian Diploma.

Jadual 5: Tahap pengajian responden

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
Diploma	25	20.2
Ijazah Sarjana Muda	99	79.8
Ijazah Sarjana	0	0
Doktor Falsafah	0	0
Jumlah	124	100

Manakala Jadual 6 menunjukkan bilangan responden mengikut status mengundi pada PRU15. Kebanyakan responden terdiri daripada pengundi kali pertama apabila mencatatkan seramai 121 orang atau 97.6.0% responden dan hanya 3 orang (2.4%) responden sahaja yang terdiri daripada pengundi yang mengundi untuk kali kedua.

Jadual 6: Pengalaman mengundi responden

Pernyataan	Frekuensi	Peratus
Kali Pertama	121	97.6
Kali Kedua	3	2.4
Kali Ketiga	0	0
Kali Keempat	0	0
Lebih Empat kali	0	0
Jumlah	124	0

Instrumen soal selidik digunakan untuk mengutip data-data penyelidikan bagi menjawab persoalan kajian (Zikmund et al., 2013; Pallant, 2013). Instrumen kajian terbahagi kepada 3 bahagian, bahagian A meliputi maklumat berkaitan demografi responden, bahagian B terdiri daripada aspek kajian persepsi Mahasiswa dan Mahasiswi terhadap sentimen perkauman semasa Pilihan Raya Umum ke-15 manakala bahagian C terdiri daripada Aspek Menganalisis Impak Terhadap Budaya Berfikir Mahasiswa Dan Mahasiswi Terhadap Isu Perkauman. Kajian ini menggunakan Skala Likert 5 pilihan iaitu melibatkan skala 5 = Sangat Setuju, 4 = Setuju, 3 = Neutral, 2 = Kurang Setuju, dan 1 = Sangat Tidak Setuju untuk mengukur persetujuan pelajar berkaitan dengan pernyataan yang dikemukakan. Skor min 1 hingga 2.39 menunjukkan interpretasi yang rendah, manakala skor min 2.40 hingga 3.70 menggambarkan interpretasi yang sederhana dan skor min 3.71 hingga 5 menunjukkan interpretasi yang tinggi. Dalam kajian ini, nilai Min digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada cadangan Pallant (2013) seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Interpretasi Skor Min Skala Likert 5 Mata

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.70	Sederhana
3.71 – 5.00	Tinggi

5.1.2 Persepsi Mahasiswa dan Mahasiswi terhadap sentimen perkauman semasa Pilihan Raya Umum ke-15

Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada jadual 8 di bawah, responden memberikan jawapan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (sederhana), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Bahagian ini menunjukkan keputusan analisis dari borang soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa dan mahasiswi UTHM Pagoh melalui *Google form*. Borang soal selidik tersebut merujuk kepada pandangan dan persepsi mahasiswa dan mahasiswi terhadap sentimen perkauman semasa Pilihan Raya Umum ke-15, sebanyak 8 pandangan diutarakan kepada responden. Pengkaji akan menganalisis masalah tersebut satu persatu dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta pai dan graf bar.

Jadual 8: Keputusan Kajian Persepsi Mahasiswa dan Mahasiswi

Bil	Pernyataan	Skala					Min	Interpresi
		1	2	3	4	5		
1	Politik berunsurkan perkauman masih wujud dalam parti-parti politik	0.8 (1)	4.0 (5)	9.7 (12)	40.3 (50)	45.2 (56)	4.25	Setuju
2	Ada ahli-ahli parti politik yang menyebarkan sentimen perkauman untuk memprovokasi rakyat	1.6 (2)	6.5 (8)	16.1 (20)	37.1 (46)	38.1 (48)	4.05	Setuju
3	Isu perkauman berbangkit setiap kali mendekati pilihan raya umum	0.8 (1)	2.4 (3)	18.5 (23)	36.3 (45)	41.9 (52)	4.16	Setuju
4	Sesetengah pihak sanggup perjudikan perpaduan untuk menanam sentimen perkauman dalam minda pengundi	1.6 (2)	6.5 (8)	12.9 (16)	31.5 (39)	47.6 (59)	4.17	Setuju
5	Sentimen perkauman semakin dimainkan semasa pilihan raya terutamanya di media sosial	1.6 (2)	2.4 (3)	15.3 (19)	33.9 (42)	46.8 (58)	4.22	Setuju
6	Isu sentimen perkauman mampu mempengaruhi pendirian pengundi semasa pilihan raya	2.4 (3)	4.8 (6)	17.7 (22)	35.5 (44)	39.5 (49)	4.05	Setuju
7	Perbezaan fahaman politik menggugat perpaduan kaum	0.8 (1)	7.3 (9)	16.1 (20)	29.8 (37)	46.0 (57)	4.13	Setuju
8	Penglibatan pengundi muda kali ini telah menyebabkan sentimen perkauman lebih senang direbak oleh sesetengah parti politik	2.4 (3)	6.5 (8)	17.7 (22)	25 (31)	48.4 (60)	4.10	Setuju

Berdasarkan dapatan kajian dari bahagian B, ternyata bahawa mahasiswa dan mahasiswi mempunyai persepsi bahawa politik yang berunsur sentimen perkauman masih wujud dalam parti-parti politik dan perkara ini menggugat perpaduan kaum. Kebanyakan responden setuju akan setiap kali pilihan raya mendekati, isu perkauman sentiasa dipermainkan untuk memprovokasi pengundi. Perkara ini dapat dilihat secara jelas oleh mahasiswa dan mahasiswi disebabkan mereka mempunyai pandangan yang luas akan agenda yang disampaikan oleh parti-parti politik. Para responden juga berpendapat bahawa penglibatan pengundi muda telah menyebabkan sentimen perkauman lebih merebak dengan

lebih senang disebabkan pengaruh negatif ini disebarkan melalui media sosial dimana kebanyakan remaja aktif.

5.1.3 Impak Terhadap Budaya Berfikir Mahasiswa Dan Mahasiswi Terhadap Isu Perkauman

Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada jadual 9 di bawah, responden memberikan jawapan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (sederhana), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Bahagian ini menunjukkan keputusan analisis dari borang soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa dan mahasiswi UTHM Pagoh melalui Google form. Borang soal selidik tersebut merujuk kepada budaya berfikir Mahasiswa dan Mahasiswi terhadap isu perkauman, sebanyak 8 pandangan diutarakan kepada responden.

Jadual 9: Analisis Budaya Berfikir Mahasiswa dan Mahasiswi

Bil	Pernyataan	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1	Isu perkauman harus dibawa sebagai topik perbualan untuk mendapatkan pandangan orang lain.	0 (0)	4.8 (6)	10.5 (13)	30.6 (38)	54.0 (67)	4.34	Setuju
2	Generasi muda harus proaktif dalam menolak parti politik yang menggunakan isu perkauman sebagai manifesto	0 (0)	2.4 (3)	10.5 (13)	37.9 (47)	49.2 (61)	4.34	Setuju
3	Gurauan atau pernyataan yang mengguris sentimen keagamaan orang lain harus ditegur secara tegas	0 (0)	0.8 (1)	8.9 (11)	25.8 (32)	64.5 (80)	4.54	Sangat Setuju
4	Kerajaan harus mendidik rakyat untuk menjadi pengundi yang bertanggungjawab dan menjaga tingkah laku semasa pilihan raya	0 (0)	0.8 (1)	8.1 (10)	34.7 (43)	56.5 (70)	4.47	Setuju
5	Isu perkauman tidak harus dimainkan setiap kali akan pilihan raya akan datang	0 (0)	1.6 (2)	8.1 (10)	29.0 (36)	61.3 (76)	4.50	Sangat Setuju
6	Inisiatif harus diambil untuk mendekati satu sama lain di luar zon keselesaan kita dari segi kumpulan agama dan etnik berbeza	0 (0)	0 (0)	11.3 (14)	25.8 (32)	62.9 (78)	4.52	Sangat Setuju
7	Sikap prasangka, bias atau stereotaip harus disingkirkan dari minda kita semasa memilih seorang pemimpin	0 (0)	2.4 (3)	12.1 (15)	24.2 (30)	61.3 (76)	4.44	Setuju
8	Bangsa dan agama tidak harus menjadi sebuah kriteria	2.4 (3)	5.6 (7)	8.9 (11)	20.2 (25)	62.9 (78)	4.35	Setuju

dalam memilih wakil parti politik

Melalui dapatan kajian dari bahagian C soal selidik, didapati bahawa majoriti budaya berfikir Mahasiswa dan Mahasiswi terhadap sentimen perkauman adalah positif dan boleh dilihat bahawa mereka telah meningkatkan pengetahuan dalam menghadapi isu perkauman serta mengawal bagaimana isu tersebut mempengaruhi pandangan dan sikap mereka. Pendidikan formal di universiti membentuk mereka untuk mewujudkan pemahaman yang baik tentang isu perkauman dan menekankan kepentingan toleransi serta kesamarataan. Kebanyakan responden juga sangat setuju dengan pernyataan inisiatif harus diambil untuk mendekati satu sama lain di luar zon keselesaan kita dari segi kumpulan agama dan etnik berbeza. Hal ini demikian, pengalaman peribadi mereka dalam interaksi dengan individu berlainan kaum yang dapat membentuk pandangan yang positif.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat adalah satu perkara penting. Oleh yang demikian, semua rakyat dan kerajaan harus bersama-sama memainkan peranan dalam meningkatkan perpaduan untuk membina sebuah bangsa yang terdiri daripada rakyat yang bersilang kaum, yang hidup bersatu-padu serta aman sentosa. Kerajaan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu bijak dalam menentukan hala tuju dan dasar sesebuah negara untuk mewujudkan perpaduan di dalam sesebuah negara serta integrasi

Keamanan negara turut dapat dipertingkatkan apabila amalan perpaduan kaum telah meresap ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Seperti yang kita ketahui, tanpa perpaduan kaum, keamanan tidak dapat diwujudkan kerana rakyat akan bergaduh sesama sendiri sehingga menghancurkan keamanan sesebuah negara yang telah dibina itu. Pertelingkahan yang berlaku antara rakyat hanya akan menghasilkan suasana hidup yang porak-peranda. Oleh hal yang demikian, benarlah perpaduan kaum itu penting untuk meningkatkan keamanan Negara.

Pengajaran yang kita dapat ialah kalau sebuah negara mempunyai integrasi satu sama lain dan dasar-dasar kerajaan, negara itu akan maju dan situasinya lebih aman dan damai. Kita juga perlu bekerjasama supaya proses perpaduan di negara kita kesepaduan sosial dapat dikekalkan. Kalau kita mengabaikan mungkin peristiwa yang tidak baik akan berlaku contoh pada 13 Mei 1969 tanah Melayu pernah berlaku satu peristiwa ia itu rusuhan kaum antara kaum Melayu dan kaum Cina oleh itu untuk mengelakkan peristiwa seperti berikut kita perlulah bersatu padu antara kita kalau tak mungkin orang lain akan mengambil kesempatan.

Akhir kata, semua pihak harus berganding bahu dan tidak mengharapkan pihak kerajaan semata-mata dalam mewujudkan perpaduan kaum. Janganlah kita bersikap evasive mahupun "bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing" kerana perpaduan kaum itu hanya akan wujud apabila semua kaum menjalankan obligasi masing-masing dengan sempurna dan bersikap bertolak ansur.

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada penysyarah yang telah membantu kami dalam menghasilkan penulisan ini dan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

7. RUJUKAN

- [1] (Prof Madya Dr), H., & (Prof Madya Dr), C. (2014). HUBUNGAN ETNIK. *PENCAPAIAN PERPADUAN MALAYSIA*, 1-30.
- [2] BEBAHTERA, D. (2014). Perpaduan Kaum Di Malaysia. *Suatu Penilaian*, 1-20.
- [3] Dawum, G. (2019, MEI 19). *Pertahankan perpaduan*. Retrieved from Perpaduan: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/420021/pertahankan-perpaduan-kaum>
- [4] HAMZAH, A. (2020, FEBUARI 6). *ISU PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA*. Retrieved from <https://www.astroawani.com/topic/perpaduan-kaum>
- [5] JIWA, M. (2021). *BAHTERA KAUM*. KUALA LUMPUR: NUKILAN BIRUNI.
- [6] JOBSTORE. (2018, 9 3). *KEPENTINGAN PERPADUAN*. Retrieved from <https://www.jobstore.com/careers-blog/2019/08/29/kepentingan-perpaduan-kaum-di-malaysia/>
- [7] Khazi, H. (2019, September 9). *Perpaduan kaum di Malaysia perlu terus utuh*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/605018/perpaduan-kaum-di-malaysia-perlu-terus-utuh>
- [8] Manusia, K. S. (2011, Ogos 8). *Dasar perpaduan negara*. Retrieved from https://www.perpaduan.gov.my/images/document/penerbitan/Dasar_Perpaduan_Negara-1.pdf
- [9] Muslim, P. M. (2001). Topik 5 Pembinaan Peradaban Majmuk Di Malaysia. *Pembinaan Peradaban Majmuk Di Malaysia*, 281-291 (1).
- [10] MyPT3. (2022, November 16). *Contoh Karangan Perpaduan Kaum di Malaysia Pt3*. Retrieved from <https://mypt3.com/karangan-perpaduan-kaum-pt3>
- [11] NIZAM, S. (2017, SEPTEMBER 11). *BORANG SOAL SELIDIK*. Retrieved from MAKSUD KAJIAN SOAL SELIDIK: <https://people.utm.my/mshahrulnizam/2017/09/11/apakah-yang-dimaksudkan-dengan-kajian-soal-selidik/>
- [12] Syazwan, A. (2019, julai 8). *Masalah perpaduan di Malaysia*. Retrieved from https://www.academia.edu/4497096/Masalah_Perpaduan_di_Malaysia
- [13] Wikipedia. (2009, JANUARI 18). *MAKSUD PERPADUAN KAUM*. Retrieved from <https://ms.wikipedia.org/wiki/Perpaduan>